BIL	KOD KURSUS	KURSUS	BAHASA PENGANTAR	KREDIT	JAM PERTEMUAN	SYARAT
1	*BLHW1762 BIPW1132	Falsafah dan Isu Semasa/ <i>Philosophy and Current Issues</i>	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	2	2	Pelajar Tempatan/ Antarabangsa
2	*BLHW 2772 BIPW2132	Penghayatan Etika dan Peradaban/ <i>Appreciation of Ethics and Civilisation</i>	Bahasa Melayu	2	2	Pelajar Tempatan
3	*BLHW 2752 BIPW2122	<i>Malaysian Culture</i> (Kebudayaan Malaysia)	Bahasa Inggeris	2	2	Pelajar Antarabangsa
4	*BLHW2792 BIPW2152	Kursus Integriti Dan Anti Rasuah/ <i>Integrity and Anti-Corruption</i>	Bahasa Melayu	2	2	Pelajar Tempatan/ Antarabangsa

Jabatan ini turut menawarkan enam (6) Kursus Elektif bagi program Ijazah Sarjana Muda. Pemilihan bagi kursus ini ditentukan oleh fakulti masing-masing.

Senarai Kursus Elektif Program Ijazah Sarjana Muda

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	BAHASA PENGANTAR	KREDIT	JAM PERTEMUAN
1	*BLHW1722 BIPW1142	Falsafah Sains dan Teknologi/ <i>Philosophy of Science and Technology</i>	Bahasa Melayu	2	2
2	*BLHH1032 BIPW1152	Psikologi Industri dan Organisasi/ <i>Industrial and Organisational Psychology</i>	Bahasa Melayu	2	2
3	*BLHW4032 BIPW3112	Pemikiran Kritis dan Kreatif/ <i>Critical and Creative Thinking</i>	Bahasa Melayu	2	2
4	*BLHC4012 BIPW4112	Komunikasi Keorganisasian/ <i>Organisational Communication</i>	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	2	2
5	*BLHC4022 BIPW4122	Kemahiran Perundingan/ <i>Negotiation Skills</i>	Bahasa Melayu/ Bahasa Inggeris	2	2
6	*BLHW2782 BIPW2142	Sosiologi Industri/ <i>Industrial Sociology</i>	Bahasa Melayu	2	2

***Kod baharu bermula Semester 1 2022/2023**

MAKLUMAT KURSUS JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN INSAN

Maklumat berkaitan dengan hasil pembelajaran, sinopsis dan rujukan bagi setiap kursus ditawarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran Insan adalah seperti berikut. Penerangan mengenai kursus ini disusun bermula dengan kursus peringkat Program Diploma dan diikuti dengan kursus peringkat Program Ijazah Sarjana Muda.

PROGRAM DIPLOMA

***DLHW 2722**

KURSUS INTEGRITI DAN ANTI-RASUAH

Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar mengenai amalan integriti dan kepentingan membanteras rasuah dalam kehidupan masyarakat dan organisasi. Tumpuan kursus memfokuskan kepada nilai integriti dan pencegahan rasuah, isu, permasalahan dan cabaran pengurusan jenayah rasuah dalam masyarakat dan organisasi. Aktiviti pembelajaran merangkumi perbincangan dalam kumpulan, pelaporan dan kerja lapangan dalam masyarakat pelbagai sektor (sektor awam, swasta, NGO, politik dan pelajar).

***DLHW1742 / DIPW1112**

KEPIMPINAN

Kursus ini membincangkan konsep-konsep kepimpinan, kemahiran interpersonal dalam kepimpinan, kerja berpasukan, kepengikutan, budaya kepimpinan dan kepelbagaian budaya/etika organisasi. Tujuan kursus ini ialah memberi kefahaman dan penghayatan aspek kepimpinan dalam diri pelajar. Pengajaran dan pembelajaran akan dilaksanakan dalam bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman melalui aktiviti berpasukan di dalam dan di luar kuliah. Pada akhir kursus ini, pelajar diharap dapat membentuk keyakinan diri, kesedaran sendiri, etika dan profesionalisme di samping dapat mengaplikasi kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan dalam mengurus kehidupan seharian dan organisasi.

***DLHW1722 / DIPW1122 FALSAFAH SAINS DAN TEKNOLOGI**

Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu dalam falsafah, sains dan teknologi yang menyasarkan kepentingan ilmu menurut sarjana Islam dan Barat. Selain itu, kursus ini turut menekankan tentang metodologi dalam sains Islam, konsep dan pencapaian tamadun Islam dalam pelbagai bidang serta menerapkan cabaran serta kepentingan isu global berkenaan sains dan teknologi yang semakin berkembang serta impak-impak dalam kehidupan masyarakat serta global. Kursus ini mampu membuka minda pelajar terhadap kehidupan secara berpasukan untuk membentuk gelombang pemikiran manusia yang kreatif.

***DLHW1032 / DIPW1132 PENGAJIAN MALAYSIA**

Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu dalam falsafah, sains dan teknologi yang menyasarkan kepentingan ilmu menurut sarjana Islam dan Barat. Selain itu, kursus ini turut menekankan tentang metodologi dalam sains Islam, konsep dan pencapaian tamadun Islam dalam pelbagai bidang serta menerapkan cabaran serta kepentingan isu global berkenaan sains dan teknologi yang semakin berkembang serta impak-impak dalam kehidupan masyarakat serta global. Kursus ini mampu membuka minda pelajar terhadap kehidupan secara berpasukan untuk membentuk gelombang pemikiran manusia yang kreatif.

***DLHW 2772 / DIPW2112 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

Kursus ini mempersiapkan pelajar untuk menghayati etika dan peradaban yang wujud dalam masyarakat kepelbagaian etnik di Malaysia untuk memperteguhkan pemikiran kritikal dan analitikal mereka bagi menangani kehidupan yang lebih mencabar. Pengisian kursus ini memfokuskan kepada penghayatan etika dan peradaban dalam acuan Malaysia. Pelajar akan didedahkan dengan dinamika konsep etika dan peradaban yang menjadi kekuatan kepada pembentukan negara Malaysia berdasarkan susur masa evolusi sejarahnya dari era pra-kolonial sehingga

ke pasca-kolonial. Kefahaman tentang pembentukan etika dan peradaban dalam masyarakat kepelbagaian dibincangkan bagi meningkatkan penghayatan etika dan peradaban ke arah pemantapan kesepaduan nasional dan bangsa Malaysia. Peradaban acuan Malaysia perlu dikupas serta diperdebatkan dalam aktiviti akademik berpanduan Perlembagaan Persekutuan sebagai tapak integrasi dan wahana etika dan peradaban. Pembinaan kesepaduan nasional amat dipengaruhi oleh globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang kompleks. Oleh kerana itu, penghayatan etika dan peradaban menzahirkan perilaku tanggungjawab sosial dan digerakkan pada peringkat individu, keluarga, komuniti, masyarakat dan negara. Justeru, perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan pembangunan langsung ekonomi telah membawa cabaran baru dalam mengukuhkan kelestarian etika dan peradaban di Malaysia. Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPS) dipraktikkan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi mendalami kursus ini.

PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA

***BLHW 1762 / BIPW1132 FALSAFAH DAN ISU SEMASA**

Kursus ini merangkumi hubungan ilmu falsafah dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukunegara. Penggunaan falsafah sebagai alat untuk memurnikan budaya pemikiran dalam kehidupan melalui seni dan kaedah berfikir serta konsep insan. Topik utama dalam falsafah iaitu epistemologi, metafizik dan etika dibincangkan dalam konteks isu semasa. Penekanan diberi kepada falsafah sebagai asas bagi menjalin dialog antara budaya serta memupuk nilai sepunya. Di hujung kursus ini, pelajar akan mampu melihat disiplin-disiplin ilmu sebagai satu badan ilmu yang komprehensif dan terkait antara satu sama lain.

***BLHW2792 / BIPW2152 KURSUS INTEGRITI DAN ANTI RASUAH**

Kursus Integriti dan Anti Rasuah (KIAR) ini bertujuan memperkenalkan kepada para pelajar mengenai amalan integriti dan pengurusan pencegahan rasuah dalam masyarakat serta organisasi. Penekanan akan diberikan kepada teori dan amalan berkaitan nilai integriti dan pencegahan rasuah, isu, permasalahan dan cabaran pengurusan jenayah rasuah dalam masyarakat dan organisasi. Aktiviti pembelajaran merangkumi latihan dalam kumpulan, simulasi, penulisan dokumen rasmi dan kerja lapangan dalam masyarakat pelbagai sektor (sektor awam, swasta, NGO, politik dan pelajar).

***BLHW2772 / BIPW2132 PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

Kursus ini menerangkan tentang konsep etika daripada perspektif peradaban yang berbeza. Ia bertujuan bagi mengenal pasti sistem, tahap perkembangan, kemajuan dan kebudayaan sesuatu bangsa dalam mengukuhkan kesepaduan sosial. Selain itu, perbincangan berkaitan isu-isu kontemporari dalam aspek ekonomi, politik, sosial, budaya dan alam sekitar daripada

perspektif etika dan peradaban dapat melahirkan pelajar yang bermoral dan profesional. Penerapan amalan pendidikan berimpak tinggi (HIEPs) yang bersesuaian digunakan dalam penyampaian kursus ini. Di hujung kursus ini pelajar akan dapat menghubungkan etika dan kewarganegaraan berminda sivik.

***BLHW1722 / BIPW1142 FALSAFAH SAINS DAN TEKNOLOGI**

Kursus ini membincangkan tentang konsep ilmu, konsep falsafah, sains dan teknologi yang berunsurkan kreativiti dan inovasi menurut sarjana Islam dan Barat. Selain itu, kursus ini juga menekankan tentang metodologi dalam sains Islam, konsep dan pencapaian tamadun Islam dalam bidang matematik, astronomi, fizik, kimia, perubatan, konsep penciptaan alam dan kosmologi dalam Islam, pencapaian dalam bidang telekomunikasi terkini dan isu-isu sains semasa. Pendekatan sarjana Islam silam menjadi contoh kepada generasi masa kini menjadi manusia yang kreatif dan mempunyai pemikiran kritis dalam pelbagai bidang seperti penciptaan dan kejuruteraan.

***BLHH1032 / BIPW1152 PSIKOLOGI INDUSTRI DAN ORGANISASI**

Kursus ini memberi pendedahan kepada aspek psikologi dalam dunia pekerjaan dalam sektor industri serta permasalahan yang berhubung dengan tingkah laku dalam organisasi. Terdapat beberapa topik yang dibincangkan termasuk isu-isu semasa dalam psikologi di tempat kerja, perancangan personel, tekanan di tempat kerja dan psikologi kejuruteraan.

***BLHW2752 / BIPW2122 MALAYSIAN CULTURE (KEBUDAYAAN MALAYSIA)**

This course exposes international students to the socio-cultural background of Malaysia which includes ethnic composition, religions, traditions and values. Other elements like music, arts, cuisine, costume, ethnic games, celebrations and national festivals are also highlighted. Student

Centered Learning (SCL) methods such as group discussion and presentation will be used in order to assist international students in developing their understanding and appreciation of Malaysian culture.

***BLHC4032 / BIPW3112 PEMIKIRAN KRITIS DAN KREATIF**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai prinsip-prinsip asas dalam pemikiran kritis dan kreatif. Pelajar akan mengaplikasikan kaedah/alat pemikiran kritis dan kreatif dalam penyelesaian masalah melalui pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar (SCL). Melalui tugas akhir, pelajar bertanggungjawab mengenal pasti serta menyelesaikan masalah semasa atau akan datang melalui penjana idea-idea yang kreatif dan inovatif.

***BLHC4012 / BIPW4112 KOMUNIKASI KEORGANISASIAN**

Kursus ini akan mendedahkan pelajar kepada idea-idea asas organisasi dalam komunikasi umum dan organisasi. Selain itu, pelajar juga akan dapat mengetahui teori-teori yang berkaitan dengan komunikasi organisasi dan memahami elemen-elemen penting dalam organisasi seperti kepimpinan, komunikasi rasmi dan komunikasi tidak rasmi. Selain itu, pelajar akan menyedari halangan, penyelesaian masalah dan membuat keputusan kemahiran dalam komunikasi organisasi. Akhirnya, pelajar akan mempunyai pemahaman iklim organisasi, hubungan teknologi dan organisasi dan komunikasi korporat dalam organisasi.

***BLHC4022 / BIPW4122 KEMAHIRAN PERUNDINGAN**

Kursus ini akan membincangkan konsep asas perundingan, teknik berfikir secara kritis dan kreatif, teknik komunikasi berkesan dan teknik mendengar dan menyoal secara berkesan. Pelajar turut didedahkan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan dan

menguruskan proses perundingan pelbagai secara berkesan. Selain itu, kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, serta kemahiran komunikasi berkesan yang diperlukan bagi menjalankan proses perundingan juga akan dibincangkan.

***BLHW2782 / BIPW2142 SOSIOLOGI INDUSTRI**

Kursus ini membincangkan tentang proses pembangunan sosial dan industri dalam agenda pembangunan di Malaysia. Pelajar akan didedahkan tentang teori, model dan pendekatan berkaitan pembangunan dan perindustrian, strategi dan impak pembangunan kepada ekonomi dan masyarakat. Kursus ini juga menekankan proses pembentukan dan perubahan masyarakat; perubahan perilaku masyarakat industri ke pascaindustri; perilaku masyarakat pascaindustri; interaksi sosial masyarakat industri; impak sosial dari perkembangan industrialisasi; dinamika perkembangan masyarakat industri di Malaysia serta isu dan permasalahan yang dihadapi masyarakat. Bab akhir dilengkapi dengan cabaran dan hala tuju pembangunan industri di Malaysia khususnya dalam era globalisasi, IR 4.0 dan era digital ekonomi yang merangkumi kolaborasi Universiti-Industri: Menuju Industri berbasis Pengetahuan (K-Economy) serta Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDG).

JABATAN KOKURIKULUM

• Kursus Wajib Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda

Jabatan Kokurikulum bertanggungjawab menawarkan kursus berdasarkan lapan (8) teras utama iaitu Kebudayaan, Keusahawanan, Daya Usaha dan Inovasi, Kepimpinan, Pengucapan Awam, Khidmat Komuniti, Kesukarelawanan dan Sukan seperti yang dikehendaki oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Kursus kokurikulum ber kredit adalah Kursus Wajib bagi setiap pelajar Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda. Pelajar perlu lulus dalam kursus kokurikulum yang diambil sebelum penganugerahan diploma dan ijazah dilaksanakan.

Senarai Kursus Wajib Universiti Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda Mengikut Teras

BIL	KOD KURSUS	KURSUS	KREDIT	JAM PERTEMUAN
TERAS KEBUDAYAAN				
1	BKKC / DKKC 1611	Cak Lempong	1	2
2	BKKC / DKKC 1601	Gamelan	1	2
3	BKKC / DKKC 1061	Koir	1	2
4	BKKC / DKKC 1631	Nasyid	1	2
5	BKKC / DKKC 1811	Teater Bahasa Inggeris	1	2
6	BKKC / DKKC 1761	Kompang	1	2
7	BKKC / DKKC 1141	Silat Gayong	1	2
8	BKKC / DKKC 1691	Seni Lukis	1	2
9	BKKC / DKKC 1791	Catur	1	2
10	BKKC / DKKC 1641	Seni Khat	1	2

TERAS KEUSAHAWANAN				
11	BKKE / DKKE 1791	Kewartawanan	1	2
12	BKKE / DKKE 1551	Keusahawanan	1	2
13	BKKE / DKKE 1451	Perniagaan Sukan	1	2
14	BKKE / DKKE 1561	Fiqh Muamalat	1	2
15	BKKE / DKKE 1461	Agropreneur	1	2
TERAS DAYA USAHA DAN INOVASI				
16	BKKI / DKKI 1781	Seni Foto	1	2
17	BKKI / DKKI 1541	I-Kreatif	1	2
18	BKKI / DKKI 1531	Reka Cipta	1	2
TERAS KEPIMPINAN				
19	BKKL / DKKL 1391	Pengurusan Kendiri	1	2
20	BKKL / DKKL 1401	Kepimpinan	1	2
21	BKKL / DKKL 1411	Pengurusan Kesihatan	1	2
22	BKKL / DKKL 1501	Aplikasi Falak dalam Ibadah	1	2
23	BKKL / DKKL 1491	Pengurusan Perubatan Islam	1	2
TERAS PENGUCAPAN AWAM				
24	BKKP/ DKKP 1731	<i>Public Speaking</i>	1	2
25	BKKP/ DKKP 1741	Pengucapan Awam	1	2
26	BKKP/ DKKP 1551	Debat	1	2
TERAS KHIDMAT KOMUNITI				
27	BKKM / DKKM 1831	PRS & Sahabat Khidmat	1	2
28	BKKM / DKKM 1821	Tahsin Al-Quran & Bacaan Yaasin	1	2
29	BKKM / DKKM 1811	Fiqh Amali	1	2
30	BKKM / DKKM 1501	Rakan Polis	1	2
31	BKKM / DKKM 1561	Budi Penyayang	1	2

32	BKKM / DKKM 1911	Kelestarian dan Amalan Hijau	1	2
33	BKKM / DKKM 1931	Teknologi Hijau dan Alam Sekitar	1	2
34	BKKM / DKKM 1921	Pengurusan Tenaga Elektrik	1	2
TERAS KESUKARELAWANAN				
35	BKKV 1421	Kor SUKSIS Polis 1	1	2
36	BKKV 1431	Kor SUKSIS Polis 2	1	2
37	BKKV 1441	Kor SUKSIS Polis 3	1	2
38	BKKV 1451	Kor SUKSIS Polis 4	1	2
39	BKKV 1461	Kor SUKSIS Polis 5	1	2
40	BKKV 1471	Kor SUKSIS Polis 6	1	2
41	BKKV 1481	Kor SISPA 1	1	2
42	BKKV 1491	Kor SISPA 2	1	2
43	BKKV 1561	Kor SISPA 3	1	2
44	BKKV 1591	Kor SISPA 4	1	2
45	BKKV 1581	Kor SISPA 5	1	2
46	BKKV 1611	PALAPES 1	1	2
47	BKKV 1621	PALAPES 2	1	2
48	BKKV 1631	PALAPES 3	1	2
49	BKKV 1641	PALAPES 4	1	2
50	BKKV 1651	PALAPES 5	1	2
51	BKKV 1661	PALAPES 6	1	2
52	BKKV / DKKV 1511	Kelana Siswa 1	1	2
53	BKKV / DKKV 1521	Kelana Siswa 2	1	2
54	BKKV / DKKV 1471	Bulan Sabit Merah	1	2
55	BKKV / DKKV 1851	Pertolongan Cemas	1	2
56	BKKV / DKKV 1671	Siswa Bomba 1	1	2
57	BKKV / DKKV 1681	Siswa Bomba 2	1	2

TERAS SUKAN				
58	BKKS / DKKS 1031	Bola Tampar	1	2
59	BKKS / DKKS 1091	Senamrobik	1	2
60	BKKS / DKKS 1111	Taekwondo	1	2
61	BKKS / DKKS 1141	Kembara	1	2
62	BKKS / DKKS 1101	Badminton	1	2
63	BKKS / DKKS 1281	Hoki	1	2
64	BKKS / DKKS 1321	Futsal	1	2
65	BKKS / DKKS 1361	Ragbi	1	2
66	BKKS / DKKS 1271	Tenis	1	2
67	BKKS / DKKS 1331	Olahraga	1	2
68	BKKS / DKKS 1351	Bola Baling	1	2
69	BKKS / DKKS 1381	Boling Padang	1	2
70	BKKS / DKKS 1011	Bola Sepak	1	2
71	BKKS / DKKS 1311	Sofbol	1	2
72	BKKS / DKKS 1151	Berbasikal	1	2
73	BKKS / DKKS 1071	Sepak Takraw	1	2
74	BKKS / DKKS 1121	Karate-Do	1	2
75	BKKS / DKKS 1021	Bola Jaring	1	2
76	BKKS / DKKS 1051	Kayak	1	2
77	BKKS / DKKS 1501	Petanque	1	2

MAKLUMAT KURSUS JABATAN PENGAJIAN KOKURIKULUM

Maklumat berkaitan dengan hasil pembelajaran, sinopsis dan rujukan bagi setiap kursus yang ditawarkan oleh Jabatan Pengajian Kokurikulum adalah seperti berikut. Penerangan mengenai setiap kursus adalah disusun bersekali antara Program Diploma dan Program Ijazah Sarjana Muda.

DKKC/BKKC 1611 CAK LEMPONG

Kursus ini akan memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai sejarah, latar belakang permainan, nota dan peralatan cak lempong. Pelajar diajar cara bermain cak lempong secara solo dan berkumpulan serta membuat kombinasi lagu-lagu cak lempong. Pelajar mempraktikkan persembahan cak lempong berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang. Pelajar akan menggunakan peralatan cak lempong seperti gareteh, tingkah, sauva, gendang, seruling dan bangsi dalam sesi latihan dan persembahan.

DKKC/BKKC 1601 GAMELAN

Pelajar akan diberi pendedahan mengenai sejarah, latar belakang permainan, nota dan peralatan gamelan. Pelajar juga diajar cara bermain gamelan secara solo dan berkumpulan serta membuat kombinasi lagu-lagu gamelan. Pelajar mempraktikkan persembahan gamelan berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang. Pelajar akan menggunakan peralatan gamelan seperti bonang, saron, slanthen, kenung, gong, kempul, gambang dalam sesi latihan dan persembahan.

DKKC/BKKC 1061 KOIR

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar seperti cara dan teknik vokal untuk menghasilkan nyanyian yang baik. Pelajar juga diajar mengenai teori muzik, repetoir lagu-lagu patriotik, cara-

cara memimpin dan menguruskan sebuah pasukan koir, serta latihan pernafasan yang betul. Pelajar juga mempraktikkan persembahan koir berdasarkan lagu-lagu patriotik dan kemanusiaan yang telah dirancang.

DKKC/BKKC 1631**NASYID**

Kursus ini memberi pendedahan teknik asas menyanyi nasyid di samping memperkembangkan daya ekspresi kreatif, persepsi estetik, penilaian, respon dan apresiasi nasyid dan muzik. Para pelajar diberi kuliah secara teori dan amali dalam aspek teknik vokal, ritma, alat perkusi dan pengurusan pasukan dalam aspek persediaan persembahan. Pelajar juga mempraktikkan persembahan nasyid berdasarkan lagu-lagu yang telah dirancang.

DKKC/BKKC 1811**ENGLISH THEATER (TEATER BAHASA INGERIS)**

This course is designed to provide exposure to students of the basic principles of the performance and theater as well as improving their English communication skills and teamwork. Students shall apply the reflective methods in analyzing the external performance in the effort to create their internal performance. Students shall also be provided with a safe space in articulating their understanding of a text for group performances and productions.

DKKC/BKKC 1761**KOMPANG**

Pelajar akan didedahkan tentang pengetahuan asas mengenai kemahiran berkompang secara teori dan praktikal melalui pukulan kompang secara individu dan berkumpulan. Pelajar juga akan dapat mengenali kumpulan kompang yang popular seperti Sri Kelalang, Ezhar, Zapin serta Hadrah melalui sesi tayangan video yang ditunjukkan. Di samping itu, pelajar juga diberi pendedahan mengenai zikir yang mengiringi pukulan tersebut untuk acara majlis keramaian, perkahwinan dan sebagainya.

DKKS /BKKS 1141

SILAT GAYONG

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai seni silat sebagai ilmu mempertahankan diri. Pelajar diajar secara teori dan praktikal mengenai Seni Gayung Fatani yang merangkumi pengenalan kepada budaya bangsa Melayu, sejarah dan asal usul, pengertian konsep persilatan dan pendidikan, dan salasilah perguruan. Penekanan diberikan kepada aspek teknik bela diri dan teknik pembelaan. Pesilat akan mempelajari Seni Silat peringkat asas, teknik serangan, belaan dan teknik berasaskan gerak Bunga Sembah agar pesilat dapat bermain Silat Seni dan Silat Olahraga. Penerapan asas ilmu dan kemahiran silat, kecergasan dan kecerdasan yang seimbang dari aspek psikologi (afektif), psikomotor, kognitif dengan ketumbesaran fizikal dan mental secara bersepadu dengan nilai-nilai murni dalam aktiviti silat.

DKKC/BKKC 1691

SENI LUKIS

Kursus ini bertujuan untuk melengkap dan menambahkan pengetahuan pelajar tentang seni lukis. Pelajar diajar secara teori dan amali mengenai unsur-unsur seni lukis iaitu garisan, rupa, bentuk, warna, ruang, jalinan, lakaran dan catan serta mengaplikasikan unsur-unsur seni yang telah dipelajari dalam bentuk lukisan. Di samping itu, pelajar dibimbing cara melukis dan mewarnakan objek dengan menggunakan cat air dan cat minyak serta melakar batik dengan teknik yang betul. Pelajar juga dikehendaki menghasilkan lukisan dengan menggunakan cat air, cat minyak dan mencanting batik mengikut kreativiti masing-masing.

DKKC/BKKC 1791

CATUR

Kursus ini memberi pendedahan mengenai asas kemahiran dalam permainan catur. Para pelajar diberi kuliah secara teori dan amali mengenai sejarah catur, undang-undang-undang berserta asas permainan. Pelajar juga diajar mengenai strategi permainan semasa fasa bukaan, permainan pertengahan dan strategi asas dalam mendapatkan kelebihan semasa

dalam permainan. Juga diajar strategi semasa fasa permainan akhir dan juga paten bentuk-bentuk syahmat (checkmate) yang ada. Akhir sekali, pelajar akan didedahkan dengan proses pertandingan catur secara perseorangan dan berpasukan dengan menggunakan jam catur dan notasi pergerakan catur.

DKKC/BKKC 1641**SENI KHAT**

Pelajar akan diberi pendedahan kepada sejarah seni khat dan jawi di Malaysia. Pelajar diajar teknik mengeja dan menulis dengan kaedah ejaan jawi yang disempurnakan oleh DBP. Pelajar diajar kaedah khat Nasakh dimulai dengan kemahiran menulis huruf-huruf tunggal, huruf sambung di awal, di tengah dan di hujung perkataan. Seterusnya pelajar boleh menulis serta menyusun ragam khat Nasakh dalam perkataan dan ayat yang panjang. Pelajar diajar menghasilkan karya seni khat kreatif di atas pelbagai media.

DKKE/BKKE 1791**KEWARTAWANAN**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai kerjaya kewartawanan yang meliputi bidang pemberitaan, penulisan dan penggambaran. Para pelajar didedahkan dengan kemahiran, etika, prinsip dan ciri-ciri peribadi yang diperlukan dalam bidang berkenaan. Pelajar secara individu/berkumpulan dikehendaki mendapatkan bahan berita secara langsung dari lokasi aktiviti yang telah dikenal pasti dan dihasilkan dalam bentuk penulisan.

DKKE/BKKE 1551**KEUSAHAWANAN**

Pelajar akan diberi pendedahan cara memahami dan memperlengkapkan diri mengenai prinsip-prinsip asas perniagaan dan strategi pemasaran. Pelajar mendapat pengalaman tentang pengurusan korporat, kaedah penubuhan syarikat, penyediaan struktur organisasi syarikat, penetapan harga produk, pelan perniagaan dan strategi pemasaran. Pelajar diberi peluang untuk mempamerkan kemahiran asas pengurusan syarikat.

DKKE/BKKE 1451**PERNIAGAAN SUKAN**

Kursus ini memberikan pengenalan asas tentang perniagaan sukan. Pelajar diberikan kuliah secara konsep dan amali dalam perniagaan sukan dan kemahiran aktiviti keusahawanan sukan secara berkumpulan. Pelajar diajar mempamerkan aktiviti perniagaan sukan serta mempamerkan kepimpinan dan kemahiran keusahawanan industri sukan.

DKKE/BKKE 1561**FIQH MUAMALAT**

Kursus ini dapat memberikan pengenalan asas tentang konsep ibadah dalam Islam secara syumul. Pelajar akan diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek al-ibadah, al-muamalah, akad, jual beli, upah kerja, sistem perbankan, takaful dan lain-lain kemahiran demi menunaikan tuntutan fardhu ain dan fardu kifayah dalam kehidupan sehari-hari.

DKKE/BKKE 1461**AGROPRENEUR**

Kursus ini bertujuan memberi pengetahuan kepada pelajar mengenai teknik tanaman secara hidroponik/hidrokultur. Pelajar diberi pendedahan mengenai peralatan yang diperlukan, kebaikan dan kelebihan tanaman secara hidroponik dan konsep asas yang diperlukan. Pelajar juga didedahkan dengan ilmu mengenai usahawan tani yang Berjaya dengan modal yang minima.

DKKI/BKKI 1781**SENI FOTO**

Pelajar akan diberi pendedahan kepada sejarah video dan kamera. Pelajar diajar teknik mengendali kamera pegun DSLR dan kamera video seperti komposisi, pencahayaan, pergerakan, shutter speed, aperture, depth of field berpandukan keadaan dan situasi seperti rakaman majlis, kandid, bangunan dan potret dengan bantuan aksesori yang sesuai. Pelajar juga diajar membuat suntingan rakaman gambar dan video dengan komputer dan cara penyimpanan dan penjagaan imej melalui gambar yang dihasilkan.

DKKI/BKKI 1541**I – KREATIF**

Kursus ini bertujuan membentuk pelajar yang berupaya berfikir secara kreatif untuk melatih diri menjadi inovatif dan kreatif. Aktiviti pembelajaran melalui sumbang saran, perbincangan dalam kumpulan, pembentangan dan penghasilan produk inovasi akan memperkaya pengalaman pelajar bagi pembinaan potensi diri supaya menjadi individu kreatif dan inovatif dalam melangsungkan kehidupan seharian dan keperluan pekerjaan.

DKKI/BKKI 1531**REKA CIPTA**

Kursus ini bertujuan memberikan pengetahuan kepada pelajar tentang asas reka cipta dan inovasi. Pelajar didedahkan kepada kemahiran mereka cipta bahan-bahan berdasarkan kreativiti masing-masing. Pelajar dikehendaki mencipta bahan daripada bahan-bahan terbuang, plastik dan seramik secara berkumpulan.

DKKL/BKKL 1391**PENGURUSAN KENDIRI**

Kursus ini melatih pelajar kaedah mengurus diri secara sistematik. Pelajar akan didedahkan kepada kaedah pengurusan diri yang berkesan seperti penampilan diri cemerlang, pengurusan masa, pengurusan imej, pembentukan peribadi, teknik berkomunikasi berkesan dan pengurusan stres. Pelajar dilatih bagaimana hendak membentuk cara penampilan diri yang cemerlang dan beberapa kaedah untuk menangani stres.

DKKL/BKKL 1401**KEPIMPINAN**

Kursus ini memberikan pengenalan asas mengenai ciri-ciri kepimpinan, kualiti kepimpinan, model kepimpinan, teori kepimpinan dan jenis kepimpinan. Selain itu, pelajar dapat mempelajari kaedah menjadi pemimpin yang berjaya dan berkesan. Pelajar digalakkan mengaplikasikan

segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan aktiviti kekeluargaan, masyarakat atau urusan keorganisasian dalam kehidupan seharian.

DKKL/BKKL 1411**PENGURUSAN KESIHATAN**

Kursus ini memberikan pengenalan asas pengurusan kesihatan, amalan pemakanan yang sihat, kecergasan fizikal, emosi, rohani, minda dan sosial. Selain itu, pelajar dapat mempelajari cara mengatasi tekanan dan tegangan dalam konteks kehidupan seharian individu, keluarga dan persekitaran tempat kerja. Pelajar akan dapat mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan aktiviti atau urusan keorganisasian dalam kehidupan seharian.

DKKL/BKKL 1501**APLIKASI FALAK DALAM IBADAH**

Kursus ini memberikan pendedahan tentang asas-asas ilmu falak dalam memudahkan urusan ibadat harian. Pelajar diberi peluang untuk mempraktikkan kemahiran asas penggunaan instrumen dalam penetapan arah kiblat, waktu solat, kemasukan bulan hijri dan gerhana.

DKKL/BKKL 1491**PENGURUSAN PERUBATAN ISLAM**

Kursus ini memberikan pengenalan asas perubatan Islam, ciri-ciri serta kaedah Islam yang dibenarkan oleh syarak. Pelajar juga didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang dapat membezakan antara bentuk perubatan Islam yang bertepatan dengan syarak ataupun yang berlawanan dengan syarak. Selain itu, pelajar juga dapat mengaplikasikan segala ilmu dan kefahaman dalam menjadikan diri seorang mukmin yang benar-benar berteraskan kepada syariat Islam.

DKKP/BKKP 1731**PUBLIC SPEAKING**

Public speaking is a course designed to meet the needs of students who wish to improve their ability to compose and deliver effective oral presentations before a variety of audiences. The course is intended for students whose responsibilities and avocations require them to speak before an audience and students who recognize a correlation between public speaking skills and the fulfillment of personal and career goals. The class will emphasize creation of ideas, audience analysis, organizational skills, and delivery techniques for a series of speeches both informative and persuasive in nature. Consideration is also given to maximizing listening skills of audience members.

DKKP/BKKP 1741**PENGUCAPAN AWAM**

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai pengucapan awam. Pelajar diajar secara teori dan amali mengenai etika, tatacara, kemahiran dan kaedah berkesan dalam pengucapan awam. Aspek pengurusan yang diberi perhatian adalah mengenai kepentingan mematuhi arahan dan peraturan pertandingan ketika berada dalam ataupun luar tempat pertandingan.

DKKP/BKKP 1551**DEBAT**

Kursus ini memberikan pengenalan asas berdebat, kualiti, kepentingan dan strategi. Selain itu, pelajar dapat mempelajari beberapa teori kepimpinan, jenis kepimpinan dan kaedah menjadi pemimpin yang berjaya dan berkesan. Pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali. Pelajar dapat mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan aktiviti atau urusan keorganisasian dalam kehidupan sehari-hari.

DKKM/BKKM 1831

PRS & SAHABAT KHIDMAT

Kursus ini bertujuan mendedahkan pelajar kepada peranan, falsafah, dan etika PRS. Disamping itu pelajar juga didedahkan dengan kemahiran asas kaunseling untuk diaplikasikan bagi perkembangan sendiri dan dalam khidmat masyarakat. Pelajar juga akan melalui amalan kepimpinan secara praktikal seperti berurusan dengan pelajar lain dan mengendalikan serta menjadi moderator kepada program-program kemahiran hidup atau kemasyarakatan.

DKKM/BKKM 1821

TAHSIN AL-QUR'AN DAN BACAAN YAASIN

Pelajar akan diberi pendedahan tentang al-Qur'an sebagai sumber hukum Islam dan kepentingannya dibaca dengan bertajwid. Pelajar juga diberikan kuliah secara teori dan amali tentang ilmu tajwid, perbezaan rasm Uthmani dan al-Imla'ie, hukum-hukum Izhar, Idgham, Ikhfa' dan Iqlab, hukum Mad yang pelbagai dan tilawah berlagu. Pada akhir sesi pembelajaran, pelajar akan mengaplikasikan semua hukum tajwid yang dipelajari melalui ujian tilawah, dan menguruskan majlis tahlil serta bacaan Yaasin.

DKKM/BKKM 1811

FIQH AMALI

Pelajar akan diberi pendedahan tentang pengenalan asas serta konsep ibadah dalam Islam secara syumul. Pelajar juga diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek taharah, jenis-jenis najis dan cara penyuciannya, tayammum, wudhu, persoalan darah wanita, mandi fardu, solat fardu dan sunat, serta pengurusan jenazah. Pelajar mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran demi menunaikan tuntutan fardu ain dan fardu kifayah dalam kehidupan seharian.

DKKM/BKKM 1501**RAKAN POLIS**

Kursus ini memberikan pengenalan asas kawad kaki, teori dan pelaksanaan undang-undang kepolisan. Selain itu, pelajar dapat mengaplikasi kemahiran yang berkaitan dengan perundangan. Pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali. Pelajar mengaplikasikan segala ilmu dan kemahiran dalam menguruskan program khidmat masyarakat.

DKKM/BKKM 1561**BUDI PENYAYANG**

Kursus ini memberikan pengenalan asas kesukarelawanan, tujuan dan matlamat kerja sukarelawan. Selain itu, pelajar dapat mempelajari kepelbagaian sukarelawan, syarat menjadi sukarelawan, kemahiran pengurusan diri dan perhubungan dari segi komunikasi yang berkesan. Pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali.

DKKM/BKKM 1911**KELESTARIAN DAN AMALAN HIJAU**

Kursus ini memberikan pendedahan dan pengetahuan mengenai amalan hijau dan bagaimana mengurus aktiviti amalan hijau secara konsisten. Pelajar juga akan diterapkan nilai-nilai murni dalam usaha melestarikan alam dan mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar disebabkan oleh aktiviti dan amalan seharian. Pelajar akan dibimbing untuk menjadi agen kesedaran yang menerangkan mengenai faedah Amalan Hijau kepada rakan, keluarga dan masyarakat.

DKKM/BKKM 1931**TEKNOLOGI HIJAU DAN ALAM SEKITAR**

Kursus ini memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai aplikasi, peralatan atau sistem Teknologi Hijau yang memiliki ciri-ciri mementingkan kelestarian alam sekitar dan bersifat mesra alam. Teknologi hijau menjadikan alam sekitar lebih baik untuk generasi akan datang. Elemen

yang terdapat dalam teknologi hijau dapat memelihara alam sekitar dan alam semula jadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia.

DKKM/BKKM 1921

PENGURUSAN TENAGA ELEKTRIK

Kursus ini memberi pendedahan tentang amalan dan tindakan ke arah penjimatan dan kecekapan pemilihan peralatan yang jimat tenaga elektrik. Pelajar diberi peluang untuk mempraktikkan kemahiran asas penggunaan peralatan pengujian dan pengiraan tenaga elektrik. Mereka juga dilatih untuk membentuk kesedaran penjimatan bersama komuniti.

BKKV 1421

KOR SUKSIS POLIS 1

Kursus ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kanun keseksaan, kanun prosedur jenayah, akta polis, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, di samping melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Mereka juga diajar latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

BKKV 1431

KOR SUKSIS POLIS 2

Kursus ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kanun keseksaan, kanun prosedur jenayah, akta polis, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, renang, seni mempertahankan diri, menembak, elemen tempur PDRM untuk menghadapi dan menindas semua jenis ancaman dalam bentuk ketenteraman awam, aktiviti subversif, keganasan atau pemberontakan bersenjata yang berlaku dalam negara selain menyediakan bantuan kepada polis daerah untuk memelihara undang-undang dan ketenteraman awam di samping melakukan aktiviti khidmat masyarakat. Pelajar juga akan didedahkan dengan ilmu kepimpinan disamping memantapkan lagi latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

BKKV 1441**KOR SUKSIS POLIS 3**

Kursus ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, di samping melakukan khidmat masyarakat. Mereka juga diajar kawad tangan dan aktiviti perkhemahan.

BKKV 1451**KOR SUKSIS POLIS 4**

Kursus ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, di samping melakukan khidmat masyarakat. Mereka juga diajar kawad tangan dan aktiviti perkhemahan.

BKKV 1461**KOR SUKSIS POLIS 5**

Kursus ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, di samping melakukan khidmat masyarakat. Mereka juga diajar kawad tangan dan aktiviti perkhemahan.

BKKV 1471**KOR SUKSIS POLIS 6**

Kursus ini memberi pengenalan asas PDRM. Para pelajar diberikan kuliah secara teori dan amali dalam aspek sejarah, organisasi PDRM, undang-undang am, kenegaraan, tugas-tugas polis, pertolongan cemas, di samping melakukan khidmat masyarakat. Mereka juga diajar kawad tangan dan aktiviti perkhemahan.

BKKV 1481 KOR SISPA 1

Kursus ini memberi pendedahan awal berkaitan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) dan International Civil Defence Organization (ICDO), kenegaraan, pengenalan pertolongan cemas, anatomi, asas sokongan hayat, tanda-tanda dan rawatan, teknik ekstrikasi mengeluarkan mangsa dan arahan keselamatan. Pelajar juga diajar tentang latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

BKKV 1491 KOR SISPA 2

Kursus ini adalah lanjutan daripada SISPA I yang mana ia memberi penekanan terhadap perlembagaan Malaysia, kenegaraan, teknik asas menyelamatkan, ascending dan descending, pengurusan bencana, melawan kebakaran, arahan keselamatan, etika dan moral serta latihan kawad kaki. Pelajar juga akan didedahkan dengan ilmu kepimpinan di samping memantapkan lagi latihan kawad kaki dan aktiviti perkhemahan.

Syarat Asas

Lulus Kor SISPA 1 (BKKV 1481).

BKKV 1561 KOR SISPA 3

Kursus ini memberi pendedahan mengenai pengenalan asas Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam. Para pelajar diberi kuliah secara teori dan amali dalam aspek asas pertahanan awam, asas pertolongan cemas, asas melawan kebakaran, asas menyelamatkan, kenegaraan, etika dan moral dan arahan keselamatan. Pelajar juga diajar mengenai kawad kaki dan perkhemahan.

Syarat Asas

Lulus Kor SISPA 1 (BKKV 1481) dan Kor SISPA 2 (BKKV 1491).

BKKV 1591**KOR SISPA 4**

Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam 4 (Kor SISPA 4) adalah merupakan kursus pengenalan kepada Standard Operating Procedure (SOP) dan khidmat kemasyarakatan 999 Pertahanan Awam. Di samping itu, pelajar akan didedahkan dengan kemahiran kepimpinan dalam organisasi, etika dan moral serta kemahiran berkomunikasi.

Syarat Asas
